

Abstract

Form of Muslim women's dress: A case study in Tok Hadi, Raman District of Yala Province, Southern Thailand." Department of History and Civilization, Faculty of Usuluddeen, Islamic Academy, University of Malaya, Kuala Lumpur, 2002.

The Islamic dress is the Allah's gift bestowed to human-beings for the fulfillment of their nature in protecting them from immorality.

Without caring for the significance of the Muslim's dress, the society will be unstable and defective. Thus, the researcher took This opportunity to conduct the study on Muslim women's dress responsible by *Wali al-amr*, Local Muslim committee as well as other Muslim organizations in determining the form of Muslim women's dress.

The Main problems of this study were as follows;

1. Levels of understanding of Muslim women towards the hokum of dressing in Islamic perspective;
2. Levels of readiness of Muslim women pertaining to how to dress in accordance with the teaching of Islam.
3. Efforts from Islam organizations or voluntary institutions in promoting the dressing of Islamic attire.
4. Methods used in determining form of Muslim women's dress.

The findings showed that parent, school and community respectively played their individual roles in forming the dress of their children.

However, there were shortcomings needed to be overcome so that Muslim women were able to dress in accordance with the Islamic rule for the success of this world and hereafter.

Hopefully, the finding of the study was very significant in determining the ideal dress of Muslim women.

ABSTERAK

ISMAEL ANOKASAE. "Cara berpakaian muslimah: Suatu kajian di mukim Tokhadi daerah Raman wilayah Yala, selatan Thai" thesis: Jabatan Sejarah dan Tamadun, Bahagian Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002.

Pakaian merupakan anugerah Allah S.w.t. kepada manusia, di mana ia menjadi nikmat Allah S.w.t. kepada manusia untuk memenuhi hajat fitrah manusia dan untuk menjaga manusia, kerana ia sebagai benteng supaya tidak terjerumus kedalam kerusakan moral.

Pembangunan masyarakat tanpa mengambil berat terhadap aspek pembentukan budaya pakaian kaum perempuan akan melahirkan sebuah masyarakat yang tidak stabil dan dipenuhi pelbagai kepincangan. Berpijak dari hakikat inilah, maka penulis merasakan perlu dibuat kajian berkenaan cara berpakaian bagi muslimah yang mesti ditanggung jawab oleh *wali al-amri* (penjaga) dan ahli jawatan kuasa agama tempatan hingga keatas, dalam pembentukan corak pakaian kaum wanita.

Masalah-masalah yang menjadi pokok penelitian desertas ini ialah:

1. Peringkat kefahaman kaum muslim dan muslimah terhadap hukum atau kaedah cara berpakaian dalam Islam.
2. Kadar persediaan yang ada pada kaum muslimah dalam mengamalkan perintah Allah S.w.t. dalam masalah cara

berpakaian. Penulis membuat kajian tentang masalah-masalah bagi melaksanakan amalan hijab.

3. Usaha-usaha dari badan dan institusi agama Islam atau badan sukarela dalam membimbing supaya perempuan-perempuan Islam dapat memakai pakaian mengikut cara Islam.
4. Pendekatan yang digunakan dalam proses pembentukan corak cara berpakaian bagi kaum muslimah.

Hasil daripada kajian dan penyelidikan ini penulis mendapati bahawa secara keseluruhannya para ibu bapa telah memainkan peranan masing-masing dalam mencorakkan pakaian anak-anak mereka pada masa kecil kemudian disambut oleh sekolah-sekolah tempat pendidikan dan masyarakat umum.

Namun begitu masih terdapat banyak kelemahan dan ruang yang perlu diperbaiki untuk meningkatkan cara penyampaian supaya lebih luas dan meliputi dalam mencitak kaum perempuan berpakaian betul mengikut hukum Islam untuk kebahagiaan dunia dan akhirat.